



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270


Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (63)
Tarikh : 2 April 2020

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Datuk,


3/4
DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(NO. MPM 26477)
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
(KESIHATAN AWAM)

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**


Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 13/2020 (22 Mac hingga 28 Mac 2020) untuk persetujuan YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 13/2020 dari 22 Mac hingga 28 Mac 2020)

Tren kes Demam Denggi pada minggu ke-13 menunjukkan penurunan ketara dengan sebanyak 1,287 kes dilaporkan berbanding 1,874 kes pada minggu sebelumnya (penurunan 31.3%). Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-13 berbanding dua (2) kematian pada minggu ke-12. Sehingga kini kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 34,238 kes berbanding 36,285 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 5.6%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 49 kematian berbanding 59 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 10 kematian (16.9%) **(Lampiran A & C)**.

Pada minggu ke-13 ini, jumlah kes mingguan Demam Denggi adalah yang terendah dilaporkan sejak akhir September tahun 2018 dengan jumlah 1,312 kes. Jumlah kes minggu ke-13 juga adalah lebih rendah daripada jumlah kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 **(Lampiran B)**. Lokaliti hotspot yang dilaporkan juga berkurang sebanyak 40 lokaliti dengan sebanyak 121 lokaliti hotspot pada minggu ke-13 berbanding 161 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 85.12% atau 103 hotspot dari keseluruhan 121 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 9 hotspot (7.44%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 4 hotspot (3.31%) di N.Sembilan, masing-masing 2 hotspot (1.65%) di Perak dan Sabah (1.65%) dan 1 hotspot (0.83%) di Sarawak **(Lampiran B & D)**.


Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak enam (6) kes pada minggu ke-13 melibatkan kesemua enam (6) kes dari negeri Perak. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 389 (**Lampiran E**). Bagi surveilans Zika, sebanyak 529 sampel darah dan 9 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Mengamalkan budaya memelihara kebersihan samada kebersihan diri mahupun kebersihan persekitaran dapat mengelakkan kita dari mendapat jangkitan berbagai jenis penyakit. Memastikan tiadanya bekas-bekas tempat air bertakung yang akan menjadi tempat pembiakan Aedes merupakan antara cara paling berkesan mencegah Demam Denggi. Faktor pergerakan manusia yang terhad di kawasan yang berisiko digigit nyamuk contohnya di padang bola, taman rekreasi atau di tempat kerja sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyumbang kepada penurunan kes ketika ini. Disamping itu, pesakit yang telah didiagnosa Demam Denggi dan menjalani tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini juga secara tidak langsung menghalang penyebaran Demam Denggi kepada komuniti lain kerana tidak digigit oleh nyamuk Aedes di tempat lain.


Mari bersama kita pertingkatkan amalan menjaga kebersihan dan peliharalah diri serta keluarga dari bahaya penyakit berjangkit seperti COVID 19 dan Demam Denggi. Ambil peduli, jika tidak maut menanti. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
6 April 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke-12 dan ke-13 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke-13 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-13 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 13/2020
(22 Mac hingga 28 Mac 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 13/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 13/2019	
		Minggu Epid 13 (22 Mac – 28 Mac 2020)		Minggu Epid 12 (15 Mac – 21 Mac 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	17	0	135	0
2	Kedah	14	0	29	0	309	0	608	1
3	P. Pinang	11	0	15	0	302	1	2,121	7
4	Perak	42	0	52	0	1,055	1	966	2
5	Selangor	724	1	1,132	0	20,994	17	21,284	18
6	WP KL & Putrajaya	131	0	165	0	2,661	4	3,201	1
7	N. Sembilan	53	0	54	0	668	1	726	3
8	Melaka	33	0	37	0	606	3	530	3
9	Johor	136	0	152	1	2,671	7	2,923	9
10	Pahang	30	0	50	0	839	2	351	4
11	Terengganu	4	0	3	0	98	0	241	0
12	Kelantan	30	0	50	0	1,311	2	1,098	2
13	Sarawak	23	0	46	0	810	2	447	0
14	Sabah	56	0	88	1	1,893	9	1,639	9
15	WP Labuan	0	0	1	0	4	0	15	0
	MALAYSIA	1,287	1	1,874	2	34,238	49	36,285	59

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 13/2020
(22 Mac hingga 28 Mac 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Flat Pprt : Blok A,B,C)	91	169
2	SELANGOR	H/Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	96	143
3	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 2 (4)	38	124
4	SELANGOR	H/Selangor	Apt Seri Tanjung Bs	37	121
5	SELANGOR	H/Langat	Jalan 3/38-3/56 Seksyen 3 BB Bangi	78	118
6	SELANGOR	Petaling	Sek U20 (Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1-1d/5)	32	116
7	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	104	111
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Flat B : Blok 13 - 19)	94	108
9	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	23	107
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	34	102
11	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa Utama	42	101
12	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	29	99
13	SELANGOR	Klang	Seksyen 25 (Apartment Andora)	22	98
14	SELANGOR	Petaling	Sek 20 (Kuarters Polis : Blok 5 - 12)	32	98
15	SELANGOR	Sepang	Apt Ruvena Villa Putra Perdana	65	96
16	SELANGOR	H/Langat	Jln Kp 7-10 Tmn Kajang Perdana	20	90
17	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 : Blok 4,5,6	28	90
18	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	32	86
19	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Shang Villa	24	82
20	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	72	81
21	SELANGOR	Petaling	SS 9a 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	16	81
22	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 1 (A,B,C,L,M,N,O,P,Q)	19	80
23	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Sri Proton	43	80
24	SELANGOR	Petaling	Sek 13 (P/puri Brunnsfield Riverview)	33	78
25	SELANGOR	Klang	Sek 25 (Teres F:Jln 25/46-59, Jln 25/115-118b)	68	76
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Flat A : Blok 1 - 4)	52	76
27	SELANGOR	H/Langat	Batu 12 1/2 Jalan Cheras-Kajang	14	75

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	H/Langat	Jln Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	53	75
29	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 08	24	74
30	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	22	73
31	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 4 (P/puri Ceria)	14	73
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7 Court 1	26	73
33	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Tmn Medan (Teres D : Jln Pjs 2c/11, 2c/28, 2c/2)	20	72
34	SELANGOR	Klang	Sek 30 (Jln Kebun:Lorong Hj Said Lot 3762)	18	72
35	SELANGOR	Klang	Taman Sungai Kapar Indah 05	38	71
36	SELANGOR	K/Langat	Taman Seri Medan	27	70
37	SELANGOR	Petaling	Tmn Subang Mas (Rumah Kedai)	23	67
38	SELANGOR	H/Langat	Flat A7-12 Pandan Mewah	12	66
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat B : Blok 26 - 30)	10	64
40	SELANGOR	Klang	Seksyen 25 (Apartment Alora)	10	62
41	N SEMBILAN	Seremban	Bdr Seremban Selatan Fasa 3b (Jln. 3/1 & 3/2)	10	61
42	SELANGOR	Petaling	Usj 19 (Starville)	45	60
43	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok E,F,L,M)	11	59
44	SELANGOR	Petaling	Tmn Industri Puchong (Jln Tpp 1/20-36)	24	59
45	SELANGOR	H/Selangor	Jalan Bunga Kertas 2 & 3, Bs	13	59
46	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana Rp 8	26	57
47	SELANGOR	Klang	Bandar Sultan Suleiman 01	22	57
48	SELANGOR	Petaling	Sek 17 (Pdg Jawa C : Jln Mat Raji Kiri)	22	57
49	SELANGOR	Klang	P/puri Pkns Bdr Sultan Suleiman 02	17	57
50	SELANGOR	Petaling	Bt 3 (Suria Appt Tmn Bukit Pelangi)	10	56
51	SELANGOR	H/Langat	Jln Hp 3 Hill Park Bandar Teknologi	10	55
52	WPKL	Cheras	Taman Suprame	13	54
53	WPKL	Cheras	Tmn Cheras-JlnSelasih,Bawang,Pelaga,SeraiWangi & Sw 1-3	10	54
54	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Pprt B : Blok D,E,F	15	54
55	WPKL	Putrajaya	Presint 9 - Fasa 7	16	53
56	SELANGOR	Klang	Taman Sri Sentosa Jaya 01	16	53
57	SELANGOR	Petaling	Usj 6/4	15	52

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	SELANGOR	H/Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	16	52
59	SELANGOR	H/Selangor	Apt Seri Kembangan Bb	17	51
60	SELANGOR	Klang	Seksyen 32 (Tmn Bukit Kemuning)	6	51
61	SELANGOR	Petaling	Pju 6a Pelangi Utama Kondo (Jln Masjid)	7	51
62	SELANGOR	Klang	Sek 32 (Apartment Rimau Indah)	20	50
63	SELANGOR	H/Langat	Jln Bunga Melur 7,9,11,11a,12&15 Tmn Muda	17	49
64	SELANGOR	Klang	Flat Taman Chi Leong	17	49
65	SELANGOR	Klang	Kampung Sungai Udang 12	12	49
66	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara (Jln Tk 4)	8	48
67	SELANGOR	Gombak	Tmn Pelangi Rawang Zon A	10	48
68	WPKL	Putrajaya	Presint 9 - Fasa 10	13	47
69	SELANGOR	H/Langat	Taman Lagenda Suria	17	46
70	SELANGOR	Klang	Taman Saga 01	11	45
71	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	28	45
72	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5c	7	44
73	SELANGOR	Klang	Taman Damai 2	10	43
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat H : Blok 64 - 78)	7	42
75	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 1-17)	6	41
76	WPKL	L/Pantai	Ppr Raya Permai	11	41
77	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Mutiara Subang Kw Industri A: Jln U5/11-17&U5/1-2)	6	41
78	SELANGOR	Petaling	Sek 22 Rumah Pangsa Sri Aman	16	41
79	SELANGOR	Klang	Seksyen 31 (Apartment Sri Nervilla)	10	41
80	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma	15	41
81	SELANGOR	H/Langat	Jln Harmoni 11,13-24 Tmn Harmoni Semenyih	20	41
82	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres C : Jln 19/8 - 19/14d)	8	41
83	SELANGOR	Klang	Apartment Bayu Villa	7	41
84	SELANGOR	H/Selangor	Apt Seroja Bb	8	40
85	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Flat Desa Peransang 4 (Blok G,H)	4	40
86	N SEMBILAN	Seremban	Taman Nusari Bayu 2	9	40
87	SELANGOR	Klang	Kampung Sungai Udang 08	8	39

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
88	SELANGOR	Klang	Kampung Idaman 02	10	39
89	PERAK	Kinta	Tmn Intan, Pasir Putih	10	39
90	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 01	8	38
91	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	10	38
92	PERAK	Kinta	Kg Temiang	17	38
93	SELANGOR	H/Langat	Jalan 4,5,12,14&16 Taman Sri Jelok	11	37
94	N SEMBILAN	Seremban	Laman Dilinea Impian	14	37
95	N SEMBILAN	Seremban	Appartment Desa Palma	8	37
96	WPKL	Titivangsa	Ppr Hiliran Ampang	11	36
97	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	10	36
98	SELANGOR	H/Langat	Taman Bukit Cantik	8	36
99	SELANGOR	H/Langat	Jalan Delima Taman Sri Nanding	5	36
100	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	18	36
101	SELANGOR	Klang	Kampung Delek Kanan 11	4	35
102	SELANGOR	Petaling	Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A,B)	8	35
103	SELANGOR	H/Langat	Taman Muhibbah	7	35
104	SELANGOR	H/Langat	Jalan 46-48 Kampung Cheras Baru	7	34
105	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Jaya)	10	34
106	SABAH	Sandakan	Kg. Bakau Batu Sapi	7	34
107	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9-13)	7	33
108	SELANGOR	Klang	Flat Sri Perantau	13	33
109	SELANGOR	Klang	Sek 32 (Kg Bukit Naga Lot 4221)	6	33
110	SARAWAK	Selangau	Pekan Selangau	11	33
111	SELANGOR	Petaling	Sek 17 (Padang Jawa : P/puri Puteri)	9	32
112	SELANGOR	Klang	Taman Mewah	8	32
113	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Puteri Subang : Jln U5/118-121b,Jln U5/Ac,U5/Ad&U5/Ae)	17	32
114	SELANGOR	H/Langat	Jalan 30-38c Kampung Cheras Baru	4	32
115	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (P/puri Orkid : Blok 7-12)	7	32
116	SELANGOR	Klang	Taman Millenium Sentosa	12	32
117	SABAH	L/Datu	Sbht.03,04,05,56,57,	4	32

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
118	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Perdana Villa	13	31
119	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	8	31
120	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Subang Murni Teres : Jln U5/140-162)	4	31
121	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara (Jln Bk 2)	10	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 13/2020 (28 Mac 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Kuala Muda Sik Kota Setar Baling Pendang	2 2 1 1 1	7
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	25 5 1	31
4	Perak	Larut, Matang & Selama Kampar Batang Padang Kuala Kangsar Kinta Manjung Kerian Hulu Perak	108 129 59 14 11 8 1 1	331
5	Selangor	Petaling	2	2
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Tumpat Bachok Kota Bharu Kuala Krai	6 4 4 1	15
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH KUMULATIF			389	

